



GARIS PANDUAN PINDAH KREDIT UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

Pusat Pembangunan
dan Kecemerlangan
Akademik &
Pejabat Pengurusan Akademik
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

GLOSARI

Perkataan/ Istilah	Penerangan
Accreditation for Prior Experiential Learning – Credit Award (APEL-C)	Pengiktirafan pengalaman pembelajaran terdahulu bagi tujuan pindah kredit.
Agensi Kelayakan Malaysia <i>Malaysian Qualification Agency (MQA)</i>	Agensi yang diberikan kuasa untuk mengawal selia program akademik di peringkat pengajian tinggi di Malaysia.
Artikulasi	Proses menyemak kesetaraan dua program/ kursus bagi tujuan pindah kredit.
Fakulti	Fakulti/ Pusat yang diberi kebenaran untuk menawarkan program akademik/ kursus.
Gabungan Pindah Kredit	Kumulatif Pindah Kredit dari pelbagai kategori pindah kredit.
<i>Massive Open Online Course (MOOC)</i>	Kursus dalam talian yang ditawarkan melalui platform yang diiktiraf dan pelajar diberi kredit selepas menyelesaikan kursus tersebut.
<i>Micro-credentials</i>	Kursus/ modul yang ditawarkan dan pelajar diberi pentauliahkan selepas menamatkan kursus/ modul tersebut.
Pengecualian Kredit	Pindah Kredit Tanpa Gred
Pindah Kredit	Proses memindahkan kredit yang diperolehi dari pembelajaran selain dari pengajian semasa.
Pindah Kredit Menegak <i>(Vertical Credit Transfer)</i>	Pindah kredit dari pengajian pada tahap kelayakan rendah ke peringkat yg lebih tinggi.
Pindah Kredit Mendatar <i>(Horizontal Credit Transfer)</i>	Pindah kredit dari pengajian pada tahap kelayakan yang sama dengan pengajian yang sedang diikuti.

Pindah Kredit Dengan Gred	Pindah kredit dengan gred yang diperolehi digunakan untuk pengiraan GPA/ CGPA dan kredit bergraduasi pelajar.
Pindah Kredit Tanpa Gred	Pindah kredit tanpa mengambil kira gred yang diperolehi. Kredit digunakan untuk pengiraan kredit bergraduasi pelajar. Juga dikenali sebagai Pengecualian Kredit.
Program Integrasi	Merujuk kepada penawaran kursus teras program Sarjana sebagai kursus elektif bebas di peringkat Sarjana Muda bagi tujuan pindah kredit.
Tahap Kelayakan	Merujuk kepada tahap kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (<i>Malaysian Qualification Framework</i>)
Tempoh pemastautin	Masa keberadaan (secara fizikal/ tidak fizikal) pelajar di UTHM / IPT yang memberi anugerah.
Standard Program	Standard yang dikeluarkan oleh MQA dan Badan Profesional bagi pembangunan dan penyampaian program akademik.

PENGENALAN

Garis Panduan Pindah Kredit UTHM ini dibangunkan bagi menerangkan syarat dan kelayakan pindah kredit di UTHM.

Pindah Kredit merujuk kepada proses memindahkan kredit yang diperolehi dari pengajian pada peringkat rendah ke peringkat yang lebih tinggi (*vertical credit transfer*), dari pengajian pada tahap kelayakan yang sama (*horizontal credit transfer*), dari kursus sendiri yang diselesaikan semasa pengajian semasa, dan dari pengalaman pembelajaran yang diperolehi sebelum menyambung pengajian semasa.

Buku Garis Panduan Pindah Kredit ini perlu dibaca bersama Buku Peraturan Akademik (Program Sarjana Muda dan Diploma) UTHM dan Buku Peraturan Akademik Pascasiswazah.

Kategori Pindah Kredit

1. Pindah Kredit (*Credit Transfer*) terbahagi kepada **LIMA (5)** kategori iaitu:
 - (a) Menegak (*vertical*) iaitu pemindahan kredit daripada peringkat rendah ke peringkat yang lebih tinggi:
 - i. Peringkat Diploma/ Diploma Lanjutan ke Sarjana Muda.
 - ii. Peringkat Sarjana ke Doktor Falsafah (kursus Metodologi Penyelidikan sahaja)
 - (b) Mendatar (*horizontal*) iaitu pemindahan kredit daripada program di tahap kelayakan yang sama seperti Diploma ke Diploma, Sarjana Muda ke Sarjana Muda, Sarjana (Kerja Kursus/ Mod Campuran) ke Sarjana (Kerja Kursus/ Mod Campuran), dan Doktor Falsafah (Kerja Kursus/ Mod Campuran) ke Doktor Falsafah (Kerja Kursus/ Mod Campuran).
 - (c) Pindah kredit bagi kursus yang diambil secara sendiri seperti *Massive Open Online Course (MOOC)* dan Pentauliahahan Mikro (*Micro-credentials*).
 - (d) Pindah kredit melalui Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu – Penganugerahan Kredit (*Accreditation of Prior Experiential Learning – Credit Award, APEL (C)*).
 - (e) Pindah kredit melalui Program Integrasi Sarjana Muda-Sarjana (Program Integrasi)
2. Pemindahan kredit boleh dilaksanakan secara:
 - (a) Pemindahan Kredit Dengan Gred iaitu pindah kredit

dengan gred yang telah diperolehi dan akan diambil kira dalam pengiraan GPA dan CGPA.

(b) Pemindahan Kredit Tanpa Gred iaitu pindah kredit dengan diberikan status Pengecualian Kredit.

3. Pindah Kredit secara menegak (*vertical*) hanya dibenarkan daripada

(a) peringkat pengajian Diploma/ Diploma Lanjutan ke peringkat Sarjana Muda,

(b) peringkat Sarjana Muda ke peringkat Sarjana melalui Program Integrasi, dan

(c) daripada peringkat Sarjana ke peringkat Doktor Falsafah terhad kepada kursus Metodologi Penyelidikan sahaja.

Pindah Kredit secara menegak daripada peringkat yang lebih tinggi ke peringkat yang lebih rendah seperti daripada Sarjana Muda ke Diploma adalah tidak dibenarkan.

4. Pelajar yang gagal program pengajian terdahulu dan ingin melanjutkan pengajian dalam program yang lain di peringkat yang sama tidak layak memohon Pindah Kredit.

Syarat Umum Pindah Kredit

5. Syarat umum Pindah Kredit adalah seperti berikut;

(a) Telah lulus kursus yang setara dengan mencapai (mengikut sistem penggredan Universiti)

i. gred minimum C+ bagi program di peringkat prasiswazah; atau

ii. gred minimum B+ bagi program di peringkat pascasiswazah;

dari Institusi yang diiktiraf oleh Senat;

- (b) Isi kandungan kursus yang setara hendaklah setaraf dan sekurang-kurangnya 80% sama dengan sukatan pelajaran (silabus) kursus yang ingin dipohon.
- (c) Kursus yang setara hendaklah daripada program yang telah mendapat Akreditasi (termasuk akreditasi sementara) atau pengiktirafan dari badan yang berautoriti di negara program tersebut ditawarkan.
- (d) Kursus yang setara tidak diberi pindah kredit semasa pengajian terdahulu.
- (e) Nilai kredit kursus yang setara hendaklah sama atau lebih daripada nilai kredit kursus yang ingin dipohon.
- (f) Kursus yang setara tidak melebihi tempoh LIMA (5) tahun dari tarikh permohonan dibuat.

Pindah Kredit Tanpa Gred (Pengecualian Kredit)

- 6. Pindah Kredit Tanpa Gred atau Pengecualian Kredit merujuk kepada pemindahan kredit tanpa gred **bagi satu kursus** yang diambil;
 - (a) semasa pengajian terdahulu, atau
 - (b) melalui mobiliti sepanjang tempoh pengajian semasa, atau
 - (c) melalui MOOC dan Micro-credentials yang diambil sebelum atau sepanjang tempoh pengajian semasa.
- 7. Pengecualian kredit dibenarkan bagi pelajar yang telah menamatkan pengajian terdahulu pada tahap kelayakan yang sama (mendatar) atau daripada tahap kelayakan yang lebih rendah (menegak). Kursus yang diberi Pengecualian Kredit tidak perlu diulang semula dan kredit

yang telah diperolehi akan digunakan dalam pengiraan tahun pengajian pelajar dan Kredit Bergraduat pelajar. Walau bagaimanapun, gred kursus tidak diambil kira dalam kiraan GPA dan CGPA pelajar.

8. Pelajar boleh memilih untuk tidak memohon Pengecualian Kredit dan mengambil kursus tersebut seperti biasa. Pelajar yang telah lulus permohonan Pengecualian Kredit dan kemudiannya berhasrat untuk mengikuti kursus yang telah diberi pengecualian kredit perlu membuat permohonan untuk mendaftar kursus yang telah diberikan Pengecualian Kredit sebelum dibenarkan mengikuti kursus tersebut.
9. Pengecualian Kredit boleh dibuat dengan menggabungkan beberapa kursus dengan syarat semua kursus yang digabungkan memenuhi **Perkara 5(a)**, dan hasil gabungan tersebut hendaklah memenuhi **Perkara 5(b)(c) (d) dan (e)**.
10. Fakulti dengan kebenaran Senat Universiti boleh menetapkan gred minimum yang lebih tinggi daripada **Syarat Umum Pindah Kredit (Perkara 5(a))** berdasarkan ketetapan semasa agensi akreditasi program dan keperluan program.
11. Pelajar yang gagal pengajian, tidak menamatkan pengajian dan/atau diberhentikan pengajian sebelumnya **tidak layak** memohon Pengecualian Kredit.
12. Jumlah Pengecualian Kredit daripada program Diploma ke Sarjana Muda yang boleh diberi hendaklah tidak melebihi

30% daripada jumlah keseluruhan kredit yang disyaratkan untuk pengijazahan sesuatu program, kecuali:

- (a) Sehingga maksimum 50% bagi pelajar yang mengikuti program Sarjana Muda yang diakreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), berdasarkan kepada ketetapan di **Jadual 1**; atau
- (b) Berdasarkan kepada ketetapan yang dinyatakan di dalam Standard Program.

Jadual 1 : Penetapan Peratus Pengecualian Kredit

Kategori	Peratus Pengecualian Kredit (%)	Gred Minimum Kursus
I	1 hingga 30	Gred C+
II	31 hingga 50	Gred B

- 13. Jumlah Pengecualian Kredit yang dibenarkan bagi pelajar yang telah memiliki kelayakan dan ingin melanjutkan pengajian kali kedua dalam peringkat yang sama dengan kelayakan yang dimiliki (mendatar) adalah:
 - (i) Tiada had sekiranya pengajian terdahulu diperolehi daripada UTHM; dan
 - (ii) Bergantung kepada tempoh pemastautin pelajar sekiranya daripada Institusi luar.
- 14. Tempoh pemastautin pelajar merujuk kepada masa keberadaan (secara fizikal/ tidak fizikal) pelajar di UTHM. Tempoh minimum pemastautin bagi semua peringkat pengajian adalah selama ENAM (6) bulan.
- 15. Permohonan Pengecualian Kredit bagi pengajian terdahulu hendaklah dibuat dalam **semester pertama**

pengajian pelajar sahaja. Permohonan selepas tempoh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

16. Pengecualian Kredit melalui program mobiliti, MOOC dan *Micro-credentials* boleh dilakukan sepanjang tempoh pengajian.
17. Pelajar yang layak memohon Pengecualian Kredit hendaklah mengisi Borang Pengecualian Kredit Kursus. Walau bagaimanapun, Fakulti berhak untuk menentukan kelulusan permohonan bagi setiap kursus yang dipohon.

Pindah Kredit Dengan Gred

18. Pindah Kredit Dengan Gred boleh dilaksanakan berdasarkan ketetapan berikut;
 - (a) Pelajar yang mengambil kursus setara dari UTHM atau Institusi luar semasa tempoh pengajian seperti program mobiliti dan program pengajian dwi ijazah, dual ijazah dan ijazah bersama.. Jumlah Pindah Kredit Dengan Gred yang dibenarkan adalah tiada had bagi kursus setara yang ditawarkan oleh UTHM, dan maksimum 50% dari jumlah kredit lulus program bagi kursus setara dari Institusi luar, tertakluk kepada standard program dan kelulusan Senat.
 - (b) Pelajar dalam Kedudukan Baik (KB) yang menukar program pengajian, sama ada kepada program dalam fakulti yang sama atau program di fakulti lain. Jumlah Pindah Kredit Dengan Gred yang dibenarkan adalah tiada had.

- (c) Pelajar dari program pengajian Institusi luar yang ingin menyambung pengajian di UTHM. Contohnya pelajar program pengajian luar negara yang meneruskan pengajian dalam negara. Jumlah Pindah Kredit Dengan Gred yang dibenarkan adalah tiada had bergantung kepada tempoh pemastautin pelajar.
 - (d) Pelajar berhenti pengajian terdahulu dengan alasan yang munasabah dan menyambung semula pengajian dalam tempoh LIMA (5) tahun dari tarikh berhenti pengajian. Jumlah Pindah Kredit Dengan Gred yang dibenarkan adalah tiada had sekiranya pelajar berhenti pengajian sebelumnya di UTHM. Sekiranya pelajar berhenti pengajian dari Institusi luar, jumlah maksimum yang dibenarkan adalah tertakluk kepada tempoh pemastautin pelajar .
19. Pelajar boleh memohon Pindah Kredit Dengan Gred bagi sesuatu kursus di **Perkara 18** dengan syarat:
- (a) Kursus setara tersebut memenuhi **Syarat Umum Pindah Kredit (Perkara 5)**;
 - (b) Kursus setara tersebut diselesaikan dalam tempoh pengajiannya di UTHM/ Institusi luar;

- (c) Permohonan dari Institusi luar dibuat selepas pelajar memperoleh kredit dari Institusi tersebut;
 - (d) Bagi pengajian di peringkat Prasiswazah, Syarat gred minimum C+ ini boleh **dikecualikan** bagi;
 - (i) kursus setara yang di ambil di UTHM semasa tempoh pengajian,
 - (ii) Kursus setara yang di ambil di Institusi luar di mana terdapat perjanjian berkenaan pindah kredit/ mobiliti.
 - (e) Bagi pengajian di peringkat Pascasiswazah, **tiada pengecualian** terhadap syarat gred minimum B+ bagi tujuan Pindah Kredit Dengan Gred secara mendatar (horizontal).
20. Fakulti dengan kebenaran Senat boleh menetapkan gred minimum yang lebih tinggi dari **Syarat Umum Pindah Kredit (Perkara 5(a))** berdasarkan ketetapan semasa agensi akreditasi program dan keperluan program.
21. Permohonan Pindah Kredit Dengan Gred hendaklah dibuat dalam tempoh dua (2) minggu pertama pada semester berikutnya sepanjang tempoh pengajian kecuali pelajar semester akhir.

Pindah Kredit bagi MOOC dan *Micro-credentials*

22. Pelajar adalah digalakkan untuk mengikuti MOOC dan *Micro-credentials* yang ditawarkan oleh pelbagai institusi luar sama ada secara fizikal atau pun secara dalam talian.
23. Pelajar boleh memohon Pindah Kredit bagi kursus yang

diikuti secara MOOC dan *Micro-Credentials* dengan syarat perlu mendapat kelulusan daripada Fakulti terlebih dahulu mengenai kursus yang ingin dipohon Pindah Kredit bagi tujuan artikulasi kursus.

24. Fakulti perlu menilai permohonan pelajar berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:
 - (a) Sama ada kursus yang dipohon setara seperti di **Syarat Umum Pindah Kredit (Perkara 5)**;
 - (b) Jenis Pindah Kredit yang akan diberikan sama ada secara dengan gred atau tanpa gred;
 - (c) Bagi **Pindah Kredit Dengan Gred**, Fakulti perlu memaklumkan pelajar berkenaan sebarang pentaksiran tambahan yang diperlukan (jika ada) sebelum pemindahan gred boleh dilaksanakan;
 - (d) Bagi **Pindah Kredit Tanpa Gred**, Fakulti perlu menilai jenis pentaksiran yang dijalankan dan pencapaian hasil pembelajaran pelajar.

25. Kelulusan permohonan Pindah Kredit bagi MOOC dan *Micro-credentials* adalah tertakluk kepada Fakulti.

26. Jumlah jam kredit yang boleh diluluskan bagi tujuan Pindah Kredit melalui MOOC dan *Micro-credentials* adalah tidak melebihi 30% daripada jumlah kredit lulus program yang sedang diikuti; kecuali MOOC atau *Micro-credentials* yang diambil dari UTHM.¹

¹ 1 Peratusan 30% adalah meliputi gabungan Pindah Kredit bagi MOOC, *Micro-credentials* dan APEL(C). Rujuk Perkara 33.

Pindah Kredit Melalui APEL (C)

27. APEL (C) bertujuan mengiktiraf pengalaman pembelajaran terdahulu pelajar yang meliputi:
- (i) Pengalaman kerja;
 - (ii) Pengalaman hidup; dan
 - (iii) Kursus pendek atau kursus pembangunan profesional berterusan (*Continuous Professional Development, CPD*).
28. Pindah Kredit Melalui APEL (C) hanya dibenarkan secara Pengecualian Kredit. Permohonan Pengecualian Kredit hendaklah dibuat dalam **semester pertama** pengajian pelajar sahaja. Permohonan selepas tempoh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
29. Pindah Kredit Melalui APEL (C) adalah berdasarkan kepada **Garis Panduan Pindah Kredit APEL (C) UTHM**.
30. Jumlah jam kredit yang boleh diluluskan bagi tujuan Pindah Kredit melalui APEL (C) adalah tidak melebihi 30% daripada jumlah kredit lulus program yang sedang diikuti. ¹

Pindah Kredit Melalui Program Integrasi

31. Program Integrasi merujuk kepada penawaran kursus teras program Sarjana sebagai kursus elektif bebas di peringkat Sarjana Muda bagi tujuan pindah kredit.
- (a) Mod yang dibenarkan untuk integrasi ialah Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran sahaja.
 - (b) Pindah kredit dibenarkan sebanyak 30% (secara vertical) daripada jumlah kredit bergraduasi program Sarjana yang akan diikuti.
 - (c) Gred yang diperolehi semasa pengajian di peringkat

Sarjana Muda tidak akan di bawa ke peringkat Sarjana (Pindah Kredit Tanpa Gred).

32. Permohonan pindah kredit bagi Program Integrasi perlu dibuat pada semester pertama pengajian di peringkat Sarjana berdasarkan kepada tatacara pindah kredit sedia ada.

Gabungan Pindah Kredit

33. Gabungan Pindah Kredit melalui MOOC, *Micro-credentials* dan APEL (C) tidak boleh melebihi 30% daripada jumlah Kredit Bergraduat.
34. Gabungan Pindah Kredit untuk tujuan pengecualian dan pemindahan kredit, samada melalui kelayakan akademik atau melalui MOOC, *Micro-credentials* dan APEL (C) sebagaimana yang dinyatakan di dalam buku Garis Panduan ini hendaklah tidak melebihi 60% daripada kredit bergraduat kecuali;
 - (i) **Perkara 13** dan **Perkara 18** di dalam Buku Garis Panduan ini; dan
 - (ii) Tertakluk kepada ketetapan badan akreditasi atau profesional yang berkenaan.

RUJUKAN

1. Kompilasi Dasar Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi (2009 – 2020), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
2. Guidelines on Credit Transfer for Massive Open Online Courses (MOOC), Agensi Kelayakan Malaysia, 2016.
3. Guidelines to Good Practices: Micro-credentials, Agensi Kelayakan Malaysia, 2020.
4. Guidelines to Good Practices: APEL (C), Agensi Kelayakan Malaysia, 2020.